



22 Ogos 2023

## **KENYATAAN MEDIA BERHUBUNG PROSIDING PENGURUSAN WABAK COVID-19**

1. Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) hari ini, telah menyambung prosiding berhubung Pengurusan Wabak Covid-19 yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2021 Siri 2.
2. Ini adalah prosiding kedua membabitkan Pengurusan Wabak Covid-19 dan prosiding ini bermula pada pukul 9.36 pagi hingga 12.03 tengah hari.
3. Antara saksi yang dipanggil memberikan keterangan dan penjelasan dalam prosiding yang diadakan ialah YBhg. Dato' Sri Norazman Ayob, Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), YBhg. Dato' Seri Chen Chaw Min, mantan Ketua Setiausaha (KSU) KKM, YBhg. Dato' Sri Mohd Shafiq bin Abdullah, mantan KSU KKM, YBhg. Tan Sri Dato' Sri Dr. Noor Hisham Abdullah, mantan Ketua Pengarah KKM dan YBhg. Datin Seri Dr. Asmah binti Samat, mantan Ketua Cawangan Perkembangan Perkhidmatan Perubatan KKM.
4. PAC ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada saksi-saksi yang hadir pada hari ini terutamanya saksi utama yang telah bersara daripada perkhidmatan awam.
5. Seterusnya, PAC akan memanggil pihak Pharmaniaga Logistic Sdn. Bhd. bagi memberi keterangan dan menjelaskan beberapa isu berbangkit berhubung peralatan ventilator yang tidak dapat digunakan.

6. PAC komited untuk membentangkan laporan berhubung Pengurusan Wabak Covid-19 untuk dibahaskan pada Mesyuarat Ketiga, Penggal Kedua, Parlimen ke-15 2023 yang akan diadakan bermula 9 Oktober 2023 sehingga 30 November 2023.

Sekian, terima kasih.

**YB Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin**  
**Pengerusi PAC Parlimen**